

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA PELANCARAN PROGRAM SEHARI BERSAMA MASYARAKAT DAN
KEMPEN PREMIER ANTI DADAH PERINGKAT KEBANGSAAN
DI SEKOLAH MENENGAH DATO' HAJI AHMAD BADAWI, KEPALA BATAS,
SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG
11 APRIL 1999

Bersyukur kita ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya kita dapat berkumpul di sini pada petang ini dalam program sehari bersama masyarakat beserta dengan pelancaran kempen premier anti dadah. Perhimpunan kita ini amat besar ertinya pada kita semua dalam usaha-usaha kita untuk membasmi penyalahgunaan dadah di Pulau Pinang ini khasnya dan di negara kita amnya. Ini adalah sejajar dengan pengisytiharan kerajaan bahawa masalah dadah adalah merupakan satu ancaman kepada keselamatan, ketahanan dan keutuhan negara.

2. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada agensi dadah kebangsaan yang sudi menjemput saya untuk merasmikan program sehari bersama masyarakat ini dan seterusnya melancarkan kempen premier anti dadah bagi tahun 1999 ini.

3. Tidak lupa juga saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Syarikat Nibong Tebal Paper Mill Sdn. Bhd. Yang telah sudi menaja kempen premier anti dadah ini. Kepada semua para hadirin yang sudi hadir, sama ada yang mewakili pertubuhan-pertubuhan, sukarela, jabatan-jabatan atau syarikat-syarikat, saya juga mengucapkan terima kasih.

Tuan-tuan dan puan-puan,

4. Masalah penagihan dadah di negara ini masih serius. Dadah tidak mengenal batasan agama, politik, sosial, bangsa dan kebudayaan. Tiada mana-mana satu golongan pun yang boleh mendakwa mereka terkecuali dari masalah ini. Penagihan dadah boleh membawa masalah kepada banyak pihak dan bukan hanya setakat merosakkan diri penagih itu sendiri. Banyak pihak lain yang turut merasa kecewa dan bersedih. Ibu bapa, adik beradik, keluarga dan sahabat handai turut kecewa dan sedih apabila orang yang mereka sayangi menjadi penagih. Kerajaan dan pemimpin-pemimpin juga sedih dengan keadaan ini. Yang amat kita sedih ialah apabila ramai yang terlibat dengan dadah ini terdiri daripada kaum belia kita yang berumur di antara 19 hingga 46 tahun. Anak-anak kita yang bakal mewarisi kita semua.

5. Kita perlu menyedari bahawa penagihan dadah yang berleluasa bukan sahaja memusnahkan kehidupan individu tetapi ia juga melibatkan masalah besar kepada ketenteraman keluarga, boleh melumpuhkan ekonomi negara, sistem politik dan kerajaan dan mungkin juga budaya dan bangsa kita. Masalah yang ada di hadapan kita ini adalah amat serius yang perlu ditangani dengan bijak yang berasaskan pendekatan pencegahan lebih baik daripada pengubatan. Dalam hal ini kerajaan amat peka dan telah pun mengambil pelbagai langkah dan pendekatan bagi mengatasinya. Kerajaan juga sentiasa memikir dan mencari keadah baru supaya usaha kita terus diperbaiki dan ditambah dari semasa ke semasa.

6. Bagaimanapun, masalah dadah ini tidak akan berjaya dibendung sekiranya tidak ada kerjasama dari semua pihak. Peperangan untuk menghapuskan wabak dadah ini memerlukan penglibatan semua pihak ia adalah satu jihad dan adalah tidak

memadai dengan penumpuan hanya kepada satu-satu agensi tertentu sahaja untuk memerangi masalah ini kerana ia saling berkait. Misalnya, tidak ada ertinya jika polis dapat menangkap banyak penagih dadah tetapi tempat pemulihan tidak cukup untuk menampung mereka. Begitu juga dengan tugas-tugas lain pihak seperti perundingcara, pengawasan, penerimaan masyarakat dan seterusnya sehinggalah penagih tadi mampu berdikari semula serta mempunyai daya tahan yang kukuh dari sebarang tarikan dadah.

Tuan-tuan dan puan-puan,

7. Usaha-usaha dalam pencegahan dadah haruslah bermula sejak awal lagi. Usaha ini adalah berterusan yang melibatkan semua peringkat, sama ada di sekolah, di rumah, di tempat kerja ataupun di dalam masyarakat. Dasar dadah negara yang telah diluluskan pada 7 Februari 1996 memang jelas dan telah memberi keutamaan kepada usaha-usaha pencegahan awalan. Agensi dadah kebangsaan telah diberi tanggungjawab untuk merancang, menggerak dan memantau segala program pencegahan dadah yang melibatkan beberapa kumpulan sasaran yang penting seperti pelajar, belia, pekerja-pekerja dan ibu bapa. Pelajar-pelajar dan pekerja-pekerja merupakan kumpulan sasaran yang terkawal (organised). Oleh itu kerajaan telah menggariskan program yang lebih tersusun bagi kedua-dua kumpulan sasaran ini iaitu program pendidikan pencegahan dadah melalui kurikulum sekolah yang melibatkan semua pelajar, manakala di tempat kerja pula, majikan-majikan diminta melaksanakan program pencegahan dadah untuk semua pekerja-pekerja dan keluarga mereka. Selain daripada itu, pertubuhan-pertubuhan `NGO' diminta menggerakkan ahli-ahli mereka terutamanya belia dan ibu bapa dalam usaha-usaha pencegahan dadah. Tanpa penglibatan semua pihak secara integrated, masalah dadah di negara kita akan menjadi lebih serius dan visi kerajaan untuk melahirkan generasi bebas dari dadah pada 2023 tidak akan tercapai.

8. Selain daripada sekolah, tempat kerja dan pertubuhan yang mempunyai kumpulan sasaran yang terkawal, pencegahan dadah sepatutnya harus bermula di rumah. Ibu bapa mempunyai peranan yang amat penting untuk menanam di hati sanubari anak-anak mereka dengan nilai-nilai murni, adat-adat yang baik, ilmu keagamaan dan kemahiran sendiri untuk menjauhi dadah. Ibu bapa adalah model kepada anak-anak. Jika ibu bapa gagal menjadi contoh yang baik, anak-anak akan menjadi keliru dan mungkin menjadikan rakan sebagai model dan ini akan mendedahkan mereka kepada unsur-unsur negatif. Kepada ibu bapa yang hadir di upacara pada petang ini, saya ingin menyeru supaya lindungilah anak-anak tuan-tuan dan puan-puan dari terjerumus ke dalam kancah dadah. Bagi ibu bapa yang anak-anaknya mempunyai masalah dengan dadah, suka saya menasihatkan supaya tuan-tuan dan puan-puan memujuk mereka tampil ke hadapan untuk menerima rawatan. Hubungilah agensi dadah kebangsaan yang akan membantu anak-anak tuan-tuan dan puan-puan untuk kembali ke pangkal jalan dan menjadi rakyat yang berguna.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

9. Saya memang menyedari bahawa di Pulau Pinang ini ramai yang terlibat dengan penagihan dan pengedaran dadah. Saya berharap masyarakat Pulau Pinang dan khasnya di kawasan parlimen Kepala Batas ini berusaha bersungguh-sungguh supaya Pulau Pinang dan Kepala Batas menjadi negeri dan kawasan bebas dadah. Usaha yang lebih bersungguh-sungguh untuk menjadikan pulau pinang negeri bebas dari dadah hendaklah bermula pada petang ini.

10. Dalam hal ini juga saya suka menyeru semua pihak untuk bertindak secara gigih dan bersepadu dalam usaha- usaha pencegahan seperti berikut:-

- semua sekolah dan maktab perguruan melaksanakan program pendidikan pencegahan dadah melalui kurikulum dan ko-kurikulum untuk mewujudkan sekolah bebas dari dadah.

- semua `NGO' terutamanya pemadam dan pertubuhan- pertubuhan belia merancang untuk memobilisasikan belia dan ibu bapa dalam pencegahan dadah;

- semua jabatan kerajaan dan pejabat swasta merancang untuk melaksanakan dasar pencegahan dadah dan program pencegahan dadah bagi pekerja-pekerjanya bagi mewujudkan tempat kerja bebas dari dadah;

- setiap institusi keluarga harus mengambil perhatian dan mengawal pergerakan dan tingkah laku anak-anak supaya tidak terpengaruh dengan gejala-gejala negatif; dan

- setiap individu hendaklah mengamalkan cara hidup sihat tanpa dadah sebagai amalan kehidupan harian.

11. Saya berkeyakinan penuh sekiranya tindakan- tindakan di atas dapat dilaksanakan, negara kita akan mencapai visi melahirkan generasi bebas dari dadah pada tahun 2023. Ini juga akan membantu Malaysia menjadi sebuah negara maju dan dapat bersaing dengan negara- negara maju yang lain kerana semua rakyat adalah sihat dan produktif.

12. Saya juga mengalu-alukan sumbangan pihak swasta seperti Nibong Tebal Paper Mill Sdn. Bhd. Dalam kempen ini sememangnya dialu-alukan. Saya dimaklumkan bahawa Nibong Tebal Paper Mill Sdn. Bhd. telah membantu agensi dadah kebangsaan melaksanakan beberapa kempen pencegahan dadah dari semasa ke semasa. Sewajarnya pihak swasta tampil ke hadapan bersama dengan agensi- agensi kerajaan dalam usaha menangani masalah dadah di negara ini. Kepada pihak swasta terus terang saya nyatakan di sini bahawa kita tidak jemu dengan sumbangan- sumbangan berfaedah mereka itu.

13. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya melancarkan program sehari bersama masyarakat dan kempen premier anti dadah peringkat kebangsaan dengan rasminya.

Terima kasih.